

PEMURNIAN FUNDAMENTAL AKIDAH ISLAMIYYAH DALAM NOVEL *KETIKA CINTA BERTASBIH* KARYA HABIBURRAHMAN EL SHIRAZY

[THE PURIFICATION OF ISLAMIC CREED FUNDAMENTAL IN THE NOVEL *KETIKA CINTA BERTASBIH* BY HABIBURRAHMAN EL SHIRAZY]

MOHD ADI AMZAR MUHAMMAD NAWAWI^{1*}, MUHAMMAD HAKIM KAMAL² & KHAIRUL ASYRAF MOHD NATHIR³

^{1*} Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA. E-mail: adiazar@usim.edu.my

² Kolej Permata Insan, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA. E-mail: hakimkamal@usim.edu.my

³ Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA. E-mail: khai.asyraf@usim.edu.my

Corresponding Author E-Mail: adiazar@usim.edu.my

Received: 13 December 2025

Accepted: 23 December 2025

Published: 29 December 2025

Abstrak: Kajian ini menyentuh mengenai fundamental akidah Islamiyyah dalam kajian sastera terutamanya prosa bergenre novel. Novel yang dipilih sebagai subjek kajian ialah *Ketika Cinta Bertasbih* yang dikarang oleh penulis terkenal dari Indonesia iaitu Habiburrahman El Shirazy. Novel ini dikenali sebagai novel bergenre Islami di kalangan peminat novel dan mendapat sambutan yang hangat daripada di nusantara khususnya Malaysia dan Indonesia. Kajian ini bertujuan untuk menganalisis fundamental akidah Islamiyyah yang terdapat dalam novel ini bagi menggambarkan kesedaran dan tanggungjawab penulis sebagai seorang pengkarya muslim di samping menonjolkan karya ini sebagai sebuah karya sastera islam yang unggul. Kajian ini menggunakan metodologi analisis kandungan dengan menjadikan novel sebagai fokus kajian terpenting di samping buku-buku berkaitan dengan akidah islamiyyah turut diberikan perhatian sebagai analisis maklumat. Kajian ini menggunakan kerangka teori akidah yang berlandaskan kepada Al-Quran dan Sunnah. Hasil kajian menunjukkan bahawa penulis telah berjaya memurnikan elemen akidah Islamiyyah dalam novel tersebut secara khusus dan menjaga tasawur islami secara amnya serta dapat membezakan karya Islami dan bukan Islami.

Kata Kunci: Habiburrahman El Shirazy, Akidah Islamiyyah, Novel *Ketika Cinta Bertasbih*



This is an open-access article under the CC-BY 4.0 license

Cite This Article:

Mohd Adi Amzar Muhammad Nawawi, Muhammad Hakim Kamal & Khairul Asyraf Mohd Nathir. (2025). Pemurnian Fundamental Akidah Islamiyyah Dalam Novel *Ketika Cinta Bertasbih* Karya Habiburrahman El Shirazy [The Purification Of Islamic Creed Fundamental In The Novel *Ketika Cinta Bertasbih* By Habiburrahman El Shirazy]. *UFUQ International Journal of Arts and Social Science Research*, 5(4), 23-33.

PENGENALAN

Sastera adalah kegiatan yang dipandang tinggi oleh Islam. Ini adalah kerana ia merupakan wadah ataupun medan bagi seseorang sasterawan ataupun pengkarya untuk menyebarkan mesej

Islam dan mutiara dakwah dalam hasil karya mereka sama ada berbentuk puisi mahupun prosa. Dari sudut pandang sisi Islam jelas bahawa Islam tidak menolak kegiatan bersastera akan tetapi kandungan sasteranya mestilah sarat dengan nilai-nilai keimanan dan banyak mengingati Allah. Berdasarkan surah As-Syuara' (26:224-227), Islam melarang keras pengkarya mahupun golongan sasterawan yang banyak mengutarakan nilai-nilai yang bertentangan dengan Islam dan tidak membawa pembaca mengagungkan kebesaran Allah. Nilai-nilai yang dibawa oleh seseorang pengkarya mestilah selari dengan akidah, syariat dan akhlak Islamiyyah bagi mewajarkan ketepatan dan kesungguhan pengkarya untuk mengaplikasikan konsep-konsep Islam dalam karya mereka. Justeru itu, pengkarya yang beretika dan berakhlak adalah mereka yang mampu menjaga garis sempadan yang telah ditetapkan oleh Islam dan mampu menghasilkan kerangka cerita yang tidak kontradik dengan konsep ajaran Islam. Selain itu, sikap yang dituntut oleh pengkarya adalah mampu memurnikan setiap elemen tertentu dalam konsep Islam dengan kaedah yang betul tanpa mewujudkan kekaburan ataupun ambiguiti yang ketara dimana jika tidak ditangani dengan betul mampu mengelirukan pembaca dengan mesej-mesej yang menyalahi dengan Islam.

Kewujudan asas-asas atau fundamental Islam yang merangkumi persoalan akidah, syariat mahupun akhlak dalam karya terutamanya genre novel jelas kelihatan sejak akhir-akhir ini terutamanya di negara jiran iaitu Indonesia. Kebanjiran genre novel di Indonesia ataupun lebih dikenali sebagai novel pop Islami adalah dilihat sebagai alternatif terbaik untuk menangkis banjir novel-novel yang berbau lucah dan seks di pasaran Indonesia. Antara pelopor novel pop Islami yang terkenal di Indonesia ialah Habiburrahman El Shirazy yang mana antara karyanya yang mencetuskan fenomena hingga diulang cetak beberapa kali ialah *Ayat-Ayat Cinta* (2004). Antara karya beliau yang lain ialah *Ketika Cinta Berbuah Surga* (2005), *Pudarnya Pesona Cleopatra* (2005), *Di atas Sajadah Cinta, Dalam Mihrab Cinta* (2007) dan *Ketika Cinta Bertasbih* (2007). Dan hasil daripada penerimaan yang menakjubkan dari peminat-peminat novel terhadap karya beliau telah menarik minat penerbit filem untuk mengangkat karyanya ke layar perak iaitu *Ayat-Ayat Cinta*, *Ketika Cinta Bertasbih* dan *Dalam Mihrab Cinta*. Antara kelebihan yang dilihat dalam karya-karya beliau ialah garapan yang kemas dan rapi serta acuan tentang konsep-konsep Islam yang sesuai dengan kerangka dan watak dalam novel. Ini menjadikan novel beliau kelihatan menarik dan sarat dengan nilai-nilai Islam yang mewajarkan kepada kebenaran.

Ini jelas berbeza dengan beberapa karya yang didapati telah menyeleweng daripada konsep Islam yang sebenar hasil garapan daripada pengkarya yang jahil tentang Islam. Seperti contoh, kefahaman yang salah mengenai pegangan akidah yang berkait rapat dengan konsep ketuhanan, alam ghaib, iblis, malaikat, kenabian, dan wahyu diselewengkan secara terang-terangan dalam novel *Awlad Haratina* karya Najib Mahfuz iaitu seorang sasterawan profilik Mesir (Zulkarnain Mohamed, 2010). Ini jelas melanggar etika seseorang sasterawan apabila berkarya apatah lagi jika sasterawan itu adalah seorang muslim. Justeru itu, pengkarya yang berakhlak adalah mereka yang mampu menterjemahkan kefahaman Islam dalam diri mereka ke dalam hasil karya dengan adunan dan garapan yang betul dan bukan menyeleweng dan memesongkan fahaman Islam yang sebenar. Di sini letaknya tanggungjawab dan peranan sasterawan Islam untuk memurnikan karya mereka dengan konsep-konsep Islam yang betul dan dalam kertas kerja ini fokus akan diberikan kepada analisis fundamnetal akidah dalam kerangka

cerita bagi melihat sama ada tasawur Islami dijaga rapi oleh pengarang atau mengkesampingkannya.

KERANGKA TASAWUR AKIDAH ISLAMIYYAH

Sebelum diperincikan mengenai perbahasan fundamental akidah Islamiyyah secara terperinci, adalah perlu dijelaskan mengenai pengertian akidah dari sudut bahasa dan istilah. Secara dasarnya pengertian akidah dari sudut bahasa diambil dari perkataan *al-‘aqdu* yang bermaksud ikatan. Manakala dari sudut istilah adalah keimanan yang pasti dan teguh dengan *Rububiyyah* Allah, *Uluhiyyah*-Nya, asma’ dan sifat-sifat-Nya, para Malaikat-Nya, Kitab-Kitab-Nya, para Rasul-Nya, hari Kiamat, takdir baik mahupun buruk (Al-Atsari, 2007). Dan untuk konteks kajian ini, perbahasan akan ditumpukan kepada tiga konsep akidah yang mendominasi sebahagian besar daripada kerangka cerita dalam novel ini iaitu *Rububiyyah* Allah, *Uluhiyyah* Allah dan *Qada’* dan *Qadar*-Nya.

Konsep *Rububiyyah* Allah

Bagi konsep yang pertama iaitu *Rububiyyah* Allah, menurut Engku Ahmad Zaki (2012), konsep ini bermaksud menafikan dan menolak sebarang kongsi serta bandingan kepada Allah di dalam sifat *Rububiyyah* yang membawa pengertian mencipta, memberi rezeki, memegang kuasa kerajaan dan pemerintahan, mentadbir, memberi manfaat dan mudarat. Konsep *rububiyyah* ini membawa kita sebagai hamba-Nya untuk memperakui bahawa segala apa yang berlaku di dunia ini dan aturan perjalanan alam ini terletak di bawah penguasaan dan pentadbiran Allah. Ini sekaligus akan meyakini kita bahawa Dia sahajalah yang berkuasa atas makhluk-Nya dan tidak ada yang berkuasa selain daripada-Nya. Banyak ayat di dalam Al-Qur’an yang membicarakan mengenai *rububiyyah* Allah antaranya ialah surah Al-Furqan (25:2,54), surah Luqman (31:10), surah Saba’ (34:1) dan surah Ar-Rahman (55:2-7).

Konsep *Uluhiyyah* Allah

Selain itu, konsep *uluhiyyah* pula merujuk kepada mengesakan Allah dalam ibadat yang telah diwajibkan-Nya kepada para hamba-Nya dan menuntut setiap hati Muslim bergantung dan bertaut sepenuhnya kepada Allah (Engku Ahmad Zaki, 2012). Destinasi tertinggi kepada penghayatan kepada konsep *uluhiyyah* akan membawa manusia itu mengenali Allah atau *makrifatullah* yang mana akan membawa manusia itu merasai erti kemanisan iman.

Konsep *Qada’* dan *Qadar* Allah

Bagi konsep *qada’* dan *qadar* pula adalah merupakan pegangan akidah yang cukup penting walaupun terletak pada rukun iman yang keenam. *Qada’* membawa maksud pelaksanaan segala ketentuan, ketetapan dan ukuran yang ditentukan oleh *Qadar* daripada Allah ke atas segala yang diciptakan-Nya (Mustafa Daud, 1996). Secara hakikatnya, manusia diberi pilihan oleh Allah dalam menentukan nasib hidup mereka sama ada ingin menjadi kaya, miskin, pandai, bodoh atau lain-lain lagi. Ini juga dapat menolak andaian bahawa wujud ketidakadilan dari

Allah kepada makhluk-Nya. Sebagai contoh orang yang pandai adalah hasil daripada usahanya yang rajin dan tidak mengenal putus asa tetapi orang yang bodoh dan gagal adalah berpunca daripada sikapnya sendiri yang malas berusaha. Walaupun qada' dan qadar Allah telah ditentukan sejak azali akan tetapi manusia diberi pilihan untuk berikhtiar dalam menentukan nasib mereka sendiri.

Justeru itu, pemurnian fundamental akidah oleh pengarang dalam karya beliau akan dilihat pada perbincangan seterusnya pada bahagian analisis nanti. Sebelum itu akan disorotkan terlebih dahulu sinopsis ataupun ringkasan cerita daripada novel yang dijadikan bahan kajian untuk kertas kerja ini iaitu *Ketika Cinta Bertasbih*.

SINOPSIS NOVEL *KETIKA CINTA BERTASBIH*

Novel ini mengetengahkan watak protagonis iaitu Abdullah Khairul Azzam yang digelar oleh Prof. Laode Kamaluddin sebagai 'tokoh malaikat' dalam ulasannya terhadap novel ini (Habiburrahman El Shirazy, 2011). Pendukung utama dalam novel ini iaitu Azzam merupakan seorang mahasiswa jurusan Usuluddin di Universiti Al-Azhar, Kaherah Mesir. Kehidupan keluarganya yang susah berikutan kematian ayahnya ketika dia berada pada tahun dua pengajian telah memaksa dia membanting tulang untuk mencari rezeki bagi menyara kehidupannya di Mesir di samping membantu meringankan beban keluarganya di Indonesia dengan bekerja sebagai penjual tempe dan bakso. Keadaan kehidupan Azzam yang gigih berusaha dan teguh pendirian dalam agama di Mesir telah menarik minat Eliana iaitu anak kepada Duta Besar Republik Indonesia ke Mesir untuk mencintainya secara diam-diam. Pada masa yang sama juga Azzam telah menaruh minat dan perasaan cinta terhadap seorang wanita yang bernama Anna Althafunnisa', anak kepada tokoh agamawan di pondok Indonesia yang mana di saat itu wanita itu sudah dilamar oleh sahabat baiknya sendiri iaitu Furqan, pelajar sarjana di Universiti Kaherah.

Dalam masa yang sama, Furqan telah disahkan dijangkiti virus HIV akibat perbuatan sabotaj oleh Miss Italiana iaitu agen perisikan Mossad di Israel yang mencerooboh biliknya ketika dia menginap di hotel mewah untuk menekuni persediaannya untuk menghadapi peperiksaan lisan bagi tesis sarjananya. Dia tidak dapat menerima kenyataan bahawa dia telah dijangkiti oleh virus berbahaya itu dan merasakan dunia sudah tidak beerti baginya lagi. Sementara itu, sahabat serumah Azzam iaitu Fadhil telah menolak lamaran cinta dari sahabat baik adiknya sendiri iaitu Tiara untuk memberi peluang kepada sahabatnya Zulkifli yang terlebih dahulu melamar Tiara daripadanya meskipun dia menaruh perasaan cinta terhadap Tiara sejak di Indonesia lagi. Peleraian bagi novel ini apabila Azzam telah berjaya menamatkan pengajiannya di Al-Azhar selama lapan tahun dan bersedia untuk pulang ke Indonesia untuk bertemu dengan keluarganya yang dirindui sejak sekian lama. Pengakhiran cerita ini disambung dalam novel *Ketika Cinta Bertasbih* episod dua yang menyaksikan perjalanan Azzam dalam kembara mencari jodoh hidupnya yang penuh ranjau dan berduri di kampung halamannya sehingga mengorbankan ibunya yang tercinta dalam satu kemalangan jalan raya di samping memaparkan statusnya bergelar usahawan yang berjaya di daerahnya.

PEMURNIAN FUNDAMENTAL AKIDAH ISLAMIYYAH: SATU ANALISIS

Penghasilan karya yang sarat dengan nilai Islam yang meliputi elemen akidah, syariat mahupun akhlak adalah manifestasi terbaik bagi seseorang pengarang ataupun sasterawan yang mengaku beriman kepada Allah dan percaya segala amal perbuatan di dunia ini kelak akan dipersoalkan oleh Allah. Dalam surah Al-Mu'minin (23:115) jelas Allah berfirman yang maksudnya “Maka adakah patut kamu menyangka bahawa Kami hanya menciptakan kamu (dari tiada kepada ada) sahaja dengan tiada sebarang hikmat pada ciptaan itu? Dan kamu (menyangka pula) tidak akan dikembalikan kepada Kami?” Selain itu, banyak ayat di dalam Al-Quran yang membicarakan tentang segala perbuatan manusia akan dihitung kembali oleh Allah pada hari pembalasan kelak antaranya surah Az-Zalzalah (99:6-8). Ini semua memperlihatkan tentang peranan dan tanggungjawab pengkarya dalam menterjemahkan elemen-elemen Islam di dalam karya dengan berhemah dan berwibawa supaya karya yang dihasilkan tidak bercanggah dengan nilai Islam dan jauh daripada kekaburan moral yang songsang.

Dan untuk kajian ini, beberapa konsep dalam fundamental akidah akan dianalisis bagi mendapatkan gambaran mengenai pemurnian mesej yang berjaya disampaikan oleh pengarang. Antara konsep yang dibahaskan ialah *Rububiyah* Allah, *Uluhiyyah* Allah dan *Qada'* dan *Qadar*. Kesemua ini akan disertai dengan teks novel sebagai bukti pengarang mengemukakan konsep-konsep tersebut di dalam karyanya.

***Rububiyah* Allah**

Antara konsep akidah yang pertama yang digarap oleh Habiburrahman sebagai pengkarya novel ini ialah berkenaan dengan tauhid rububiyah. Konsep ini secara jelas telah dinukilkan dan digarap dengan baik pada permulaan cerita ini pada bab yang pertama di mana ketika Azzam selaku watak utama dalam novel ini sedang berehat di anjung bilik hotelnya di Iskandariah sambil memerhatikan gelagat dan ragam manusia di sekelilingnya. Azzam juga bermonolog sendirian dalam dirinya dengan merasakan takjub dan terpesona dengan alam semesta ciptaan Allah di mana Allah telah mengatur dengan sebaik-baiknya perjalanan alam ini tanpa sedikitpun cacat cela. Ini dapat dilihat berdasarkan teks dalam novel seperti berikut:

“Keteraturan alam semesta, langit yang membentang tanpa tiang, pergantian siang dan malam, lautan luas membentang, gunung-gunung yang menjulang, awan yang membawa air hujan, air yang menumbuhkan tanam-tanaman, proses penciptaan manusia sembilan bulan di dalam rahim, binatang-binatang yang menjaga ekosistem dan peraturan-peraturan lainnya, itu semua menunjukkan bahawa ada Dzat Yang Maha Kuasa dan Maha Sempurna. Dzat yang kekuasaanNya tidak ada batasnya. Dzat yang menciptakan itu semua. Dan Dzat itu adalah Tuhan Penguasa alam semesta. Dan jelas Tuhan itu hanya boleh satu adanya. Tidak mungkin dua, tiga dan seterusnya. Tidak mungkin”

(Habiburrahman El Shirazy, 2011)

Petikan di atas membenarkan dengan apa yang dikatakan sebagai rububiyyah Allah. Menurut Abdul Hadi Awang (2007), tauhid rububiyyah bermaksud kita menyakini hanya Allah sahaja yang mentadbir alam dan Dia sahajalah yang berhak mengurus alam, mentadbir, memiliki, memelihara, menghidup, mematikan dan lain-lain. Ini jelas dengan apa yang digarap oleh pengarang melalui watak utama dalam novel ini iaitu Azzam yang mempercayai hanya Allah sahajalah yang layak mentadbir alam dan menguruskan alam ini dan tiada kuasa yang layak selain daripada-Nya. Bahkan jika ada yang selain daripada Allah menguruskan alam ini akan lemahlah Dia kerana memerlukan penolong sedangkan Dia bersifat Maha Kuasa. Gambaran dalam novel boleh dilihat dalam teks berikut:

“ Jika Tuhan itu lebih dari satu, kemungkinan terjadi pembahagian tugas. Ada yang bertugas mencipta matahari, ada yang bertugas mencipta bumi, ada yang bertugas mencipta langit dan seterusnya. Jika demikian, mereka bukan Tuhan Yang Maha Kuasa. Sebab pembahagian tugas menunjukkan kelemahan, menunjukkan ketidakmahakuasaan. Tuhan yang sebenarnya adalah Tuhan Yang menciptakan dan menguasai seru sekalian alam. Tuhan yang menciptakan alam semesta ini dengan kekuasaanNya yang sempurna. Tuhan yang ilmuNya meliputi segala sesuatu. Dan yang memiliki sifat Maha Sempurna seperti itu hanya ada satu iaitu Allah. Dialah Tuhan yang sebenarnya. Sebab tidak ada yang mengistiharkan diri sebagai pencipta alam semesta ini kecuali hanya Allah Subhanahu wa Ta'ala”

(Habiburrahman El Shirazy, 2011)

Teks ini jelas kepada kita bahawa Azzam sebagai watak utama berjaya menyakini secara sepenuhnya bahawa hanya Allah sahajalah yang layak mentadbir dan menguruskan alam ini. Bahkan dia meyakini bahawa sekiranya jika ada selain daripada Allah dalam menguruskan alam nescaya akan musnah dan membuktikan Allah itu bersifat lemah sedangkan itu bukan sifat yang layak bagi-Nya. Kefahaman yang jelas mengenai konsep rububiyyah berjaya digarap dan dihasilkan oleh pengarang novel ini tanpa mewujudkan kekaburan terhadap mesej pada kerangka cerita. Bahkan pemurnian mengenai konsep ini dikemukakan oleh pengarang dengan jelas dan tepat dalam novel ini pada halaman 7 hingga 12 dengan penghayatan Azzam terhadap kebesaran Allah dan disokong dengan beberapa terjemahan ayat Al-Qur'an yang dipetik dalam surah Luqman (31:29,31) dan surah Al-Anbiya' (21:22).

Uluhiyyah Allah

Konsep kedua yang diketengahkan oleh pengarang novel ini ialah berkenaan dengan tauhid uluhiyyah. Secara umumnya, konsep ini banyak diketengahkan oleh Habiburrahman dalam kerangka cerita novelnya bagi mendapatkan cita rasa Islami dan susunan cerita yang tidak lari dengan konsep Islam. Tauhid uluhiyyah merujuk kepada pengesaan kepada Allah dalam amal ibadat yang dilakukan dan bergantung harap kepada Allah sepenuhnya. Merujuk kepada kerangka novel ini, antara bahagian yang memperlihatkan tentang konsep ini ialah bagaimana Azzam selaku watak utama memohon kepada Allah agar diberi kekuatan untuk menghabiskan pelajarannya pada tahun itu dengan lulus dalam satu mata pelajaran lagi yang masih berbaki iaitu Tafsir Tahlili. Ini berikutan sejak ayahnya meninggal dunia pada tahun kedua

pengajiannya, Azzam merasakan dialah yang bertanggungjawab menyara ibu dan adik-adiknya di kampung dan mengambil alih sebagai ketua keluarga untuk mencari nafkah untuk keperluan dia dan keluarganya. Oleh yang demikian, tugas utamanya sebagai penuntut ilmu terpaksa dikorbankan untuk seketika bagi memberi ruang kepadanya menumpukan perniagaannya membuat tempe dan bakso. Disebabkan itu, Azzam terpaksa melewatkan pengajiannya bagi memberi ruang kepadanya mengumpulkan duit untuk diberikan kepada keluarganya di kampung. Dan pengutusan surat daripada adiknya iaitu Husna menyatakan bahawa dia, ibu dan adik-adiknya sudah mampu untuk berdikari kerana Husna dan adiknya Lia sudah bekerja dan dapat menampung kehidupan mereka sekeluarga. Oleh itu, Husna berharap agar abangnya Azzam segera menamatkan pengajiannya di Al-Azhar dan pulang ke kampung. Keadaan ini yang membuatkan Azzam terharu dengan perkhabaran yang diterima oleh adiknya melalui surat yang dikirimkan kepadanya dan lantas ia mengajukan doa kepada Allah agar dia berjaya menamatkan pelajarannya dan mengenggam segulung ijazah. Gambaran ini dikemukakan dalam teks berikut:

“Azzam membaca surat dari adiknya dengan airmata berderai-derai. Selesai membaca surat itu ia terus tersungkur di atas karpet. Sujud syukur kepada Allah Subhanahu wa Ta’ala. Ia menangis merasakan keagungan kasih sayang dari Allah Subhanahu wa Ta’ala. Kerja kerasnya selama ini telah membuahkan hasil. Ia sangat bahagia. Ia merasa ini semua adalah kerana kasih sayang dari Allah Subhanahu wa Ta’ala.

Dalam sujudnya ia meminta kepada Allah agar diberi tambahan kekuatan untuk belajar dan diberi tambahan ilmu yang bermanfaat. Ia menguatkan azam untuk lulus tahun itu juga. Tinggal satu mata pelajaran, Tafsir Tahlili. Dan ia akan mempelajarinya dengan penuh tumpuan. Selesai peperiksaan, ia akan fokus mencari dana untuk pulang. Hatinya tiba-tiba riang dan bahagianya membuak-buak. Dengan penuh penghayatan ia berdoa: Ya Allah, kabulkan harapanku untuk lulus dan pulang tahun ini”

(Habiburrahman El Shirazy, 2011)

Tindakan Azzam berdoa kepada Allah itu adalah simbol kepada kepatuhan Azzam untuk meminta pertolongan hanya kepada Allah bukan kepada selain dari-Nya. Pengharapan dan ketulusan hatinya jelas disandarkan kepada Allah semata-mata dan garapan mesej ini jelas menzahirkan pengabdian seorang hamba kepada Penciptanya. Justeru itu, pengarang berjaya dalam memurnikan konsep ini dengan garapan dan susunan teks yang menarik di dalam novel. Selain itu, kerangka cerita yang lain dalam novel ini yang mengetengahkan konsep uluhiyyah adalah pada babak ketika mana Fadhil meminta nasihat daripada Azzam tentang cadangan yang diberikan oleh Tiara agar membatalkan perkahwinannya dengan Zulkifli. Ini kerana Tiara amat mencintai Fadhil dan takut pernikahannya bersama Zulkifli akan menjadi sia-sia kerana dia tidak menyimpan perasaan cinta kepada Zulkifli. Fadhil berasa kebingungan kerana perkahwinan akan berlangsung tidak lama lagi dan akan menjerat perasaannya sendiri kerana dia bertanggungjawab menjadi ahli jawantankuasa perkahwinan itu dan dia sendiri mengetahui persembahan nasyid di hadapan kawannya Zulkifli dan insan yang dia cintai iaitu Tiara. Ini berdasarkan teks dalam novel seperti berikut:

“Azzam tersenyum. Entah kenapa mendengar kisah Fadhil ia terasa tertawa, tapi tidak dilakukannya. Ia takut membuat Fadhil semakin tersiksa. Dengan tenang, ia berniat menghibur dan memberikan jalan yang lebih terang kepada Fadhil”

(Habiburrahman El Shirazy, 2011)

Azzam memberi nasihat kepada Fadhil berdasarkan kata-kata mutiara dari Ibnu Athaillah dalam kitabnya yang terkenal iaitu Hikam mengenai keadaan seseorang untuk melahirkan rasa takut dan rindu kepada Allah dengan membuang perasaan cinta kepada dunia dan segala isinya. Dia memperincikan petikan daripada kitab Hikam itu kepada Fadhil dengan menyatakan bahawa jika seseorang itu hanya mempunyai Allah di dalam hatinya dengan kata lain kecintaan dan kerinduan kepada Allah berada pada tingkat yang tertinggi pasti kecintaan kepada makhluk akan terusir dan pergi dengan sendirinya. Dan jika Fadhil mampu meletakkan kecintaan kepada Allah pada tingkat yang teratas pasti dia akan dapat melupakan Tiara dan menolak ajakan Tiara untuk membatalkan perkahwinannya. Mesej ini jelas menggambarkan konsep uluhiyyah di mana membawa Fadhil untuk mengenal Allah dengan sebenar-benarnya sehingga melahirkan perasaan cinta dan rindu kepada Allah dan membawanya mengerti mengenai kemanisan iman dalam beribadah. Apabila kemanisan iman itu sudah bertaut, manusia tidak lagi menghiraukan atau membicarakan tentang makhluk yang lainnya akan tetapi akan menumpukan sepenuh perhatian untuk meraih kasih sayang dan cinta Allah. Gambaran dalam teks dikemukakan seperti berikut:

“Cuba resapi baik-baik kata-kata ‘ulama’ besar dari Iskandaria. Kecintaanmu pada Tiara itu syahwat. Hampir semua orang yang jatuh cinta itu merasakan apa yang kau rasakan. Dan perasaan seperti itu tidak akan boleh kau keluarkan, kau usirkan dari hatimu kecuali jika kau memiliki dua hal.

Pertama, rasa cinta kepada Allah yang sangat luar biasa yang menggetarkan hatimu. Sehingga ketika yang ada di hatimu adalah Allah, yang lain dengan sendirinya menjadi kecil dan terusir. Kedua, rasa rindu kepada Allah yang amat dahsyat sampai hatimu merasa merana. Jika kau merasa merana kerana rindu kepada Allah, kau tidak mungkin merana kerana rindu pada yang lain. Jika kau sudah sibuk memikirkan Allah, kau tidak akan sibuk memikirkan yang lain.

Kerana hatimu miskin cinta dan rindu kepada Allah, jadinya kau dijajah oleh cinta dan rindu pada yang lain. Saat ini yang menjajah hatimu adalah rasa cinta dan rindumu pada Tiara. Itulah yang membuatmu tersiksa. Padahal kau sudah tahu bahawa dia sudah dilamar dan dikhitbah saudaramu sendiri. Kau harus tahu perasaan seseorang tidak dapat merubah hukum syari’at. Seberapa besar rasa cintamu kepada Tiara dan seberapa besar perasaan cintanya kepadamu, tidak akan merubah hukum dan status Tiara, bahawa ia telah dikhitbah oleh saudaramu. Apalagi Tiara telah menerimanya”

(Habiburrahman El Shirazy, 2011)

Garapan mesej yang baik daripada Habiburrahman tentang konsep uluhiyyah berjaya mencerminkan pendirian pada watak Azzam yang teguh berpegang kepada pertolongan Allah. Dan melalui watak Azzam pemurnian konsep ini berjaya dipindahkan kepada sahabatnya Fadhil melalui nasihat yang berguna dan bersandarkan kepada kata-kata hikmah daripada Ibnu Athaillah dalam kitabnya iaitu Hikam. Oleh yang demikian, jelas kepada kita bahawa pemurnian konsep uluhiyyah berjaya dimurnikan dengan baik oleh pengarang melalui susunan watak dan plot pada kerangka cerita yang tersusun.

Qada' dan Qadar Allah

Konsep yang terakhir yang dibincangkan pada kertas kerja ini ialah qada' dan qadar Allah. Konsep ini merujuk kepada ketetapan Allah sejak azali lagi tetapi manusia diberi pilihan untuk berusaha dalam menentukan nasib mereka sendiri. Dalam novel ini, konsep ini banyak di kemukakan oleh pengarang memandangkan persoalan jodoh, rezeki dan lain-lain merupakan rencah kehidupan manusia dan persoalan ini diterjemahkan ke dalam mana-mana novel termasuk novel Islami. Cuma bezanya garapan dan kreativiti penulis yang membezakan bagaimana kerangka cerita itu disusun mengikut etika Islam agar konotasinya tidak mengelirukan pembaca dan mesejnya tidak bertentangan dengan Islam.

Menyentuh mengenai konsep ini dalam novel Ketika Cinta Bertasbih, pengarang telah memanfaatkan watak Azzam ketika mana beliau menghadiri majlis kesyukuran Furqan ke atas kejayaannya memperolehi ijazah sarjana dan sahabatnya itu akan pulang ke Indonesia selepas itu untuk melamar Anna. Melihat kejayaan yang telah diperolehi oleh Furqan membuatkan Azzam merasakan dirinya terlalu kerdil berbanding dengan Furqan namun dia segera sedar dan redha engan ketentuan Allah bahawa apa yang dilaluinya bukanlah kehendaknya tetapi adalah aturan yang telah ditetapkan oleh Allah untuk melihat dirinya sentiasa berusaha meningkatkan potensi dirinya. Dilahirkan dalam keluarga yang susah dan perginya ayahandanya yang tercinta membuatkan Azzam mengenali betapa pentingnya ilmu kepada dirinya untuk membela nasibnya dan keluarganya. Ini dapat dilihat dalam teks seperti berikut:

“Namun ia segera sedar, ia harus menata hati. Ia harus sedar bahawa keadaan dirinya dan Furqan sangatlah berbeza. Furqan serba cukup bahkan berlimpah. Sementara dirinya harus memerah keringat dan berdarah-darah. Ia sedar semuanya Allah yang mengatur. Ia berusaha menyejukkan hatinya bahawa prestasi tidak hanya terbatas pada meraih gelaran akademik secara formal”

(Habiburrahman El Shirazy, 2011)

Dan harapan Azzam untuk menyunting Anna Altahfunnisa juga berkecai kerana sahabat baiknya Furqan sudah terlebih dahulu melamar Anna. Azzam redha dengan ketentuan takdir yang menyatakan bahawa Anna bukanlah jodohnya bahkan dia berharap agar Allah mengurniakan kepadanya isteri solehah yang lebih dari Anna. Gambarannya seperti teks berikut:

“Dan tentang jodoh. Allahlah yang mengatur. Di muka bumi ini perempuan solehah tidak hanya satu. Tidak hanya Anna. Jutaan perempuan solehah tersebar di muka bumi

ini. Kenapa harus berkecil hati. Kalau Anna memang jodohnya Furqan, dan Allah yang mengaturnya, kenapa ia harus tidak rela. Kenapa ia tidak yakin bahawa Allah akan menyediakan jodoh yang terbaik untuknya, yang lebih dari Anna Althafunnisa?"

(Habiburrahman El Shirazy, 2011)

Mesej melalui kerangka di atas jelas menunjukkan kepada kita bahawa konsep ini berjaya dimurnikan oleh Habiburrahman tanpa mewujudkan kekeliruan dan kekaburan kepada khalayak pembaca. Pemurnian konsep ini adalah penting kerana sebarang kecuaiian mesej pada kerangka cerita akan membawa kesan yang besar pada pembaca dalam memahami mesej dan nilai Islam yang dibawa oleh pengarang.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, novel *Ketika Cinta Bertasbih* ini banyak memaparkan fundamental Islam seperti akidah, syariat dan akhlak dan dalam kajian ini fokus diberikan kepada fundamental akidah. Kewujudan ini banyak dibantu oleh faktor pengarang itu sendiri yang berlatarbelakangkan pendidikan tertinggi dalam bidang pengajian Islam di samping kesedaran beliau untuk memanfaatkan watak utama sebagai 'tokoh malaikat' bagi memperlihatkan pemurnian mesej yang baik dan jauh daripada kekaburan kepada khalayak. Selain itu, peleraian di setiap kerangka cerita yang berkait dengan konsep akidah berjaya diselesaikan dan dimurnikan dengan baik oleh pengarang tanpa mewujudkan pergantungan mesej yang gagal difahami oleh khalayak pembaca. Hasil kajian menunjukkan bahawa pengarang novel ini iaitu Habiburrahman El Shirazy berjaya memurnikan konsep *rububiyah*, *uluhiyyah*, *qada'* dan *qadar* yang terdapat dalam elemen akidah Islamiah dengan baik dan jelas serta difahami oleh pembaca pada keseluruhan ceritanya.

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi (PPPI) atas pembiayaan geran penyelidikan yang telah didaftarkan di bawah kod PPPI/FPBU/0121/USIM/16621.

RUJUKAN

al-Quran al-Karim

Abdul Hadi Awang. (2007). *Beriman kepada Allah*. Batu Caves: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

al-Atsari, 'Abdullah bin 'Abdul Hamid. (2007). *Intisari 'Aqidah Ahlus Sunnah Wal Jama'ah. Ulang Cetak. Terj. Farid Muhammad Bathathy*. Jakarta: Pustaka Imam Asy-Syafi'i.

Engku Ahmad Zaki. (2012). *Akidah: Pemahaman & Perpecahan Umat Sepanjang Zaman*. Kuala Lumpur: Must Read Sdn. Bhd.

Habiburrahman El Shirazy. (2011). *Ketika Cinta Bertasbih (1)*. Ulang Cetak. Kuala Lumpur: Ar-Risalah Product Sdn. Bhd.

Mustafa Daud. (1996). *Akidah mukmin*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.

Tafsir Pimpinan Ar-Rahman kepada Pengertian Al-Qur'an. (2002). Edisi ke-12. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

Zulkarnain Mohamed. (2010). *Penyelewengan Al-Qur'an dalam Awlad Haratina, karya Najib Mahfuz*. Dlm Ungku Maimunah Mohd Tahir (pnyt) *Kedudukan ilmu dalam kesusasteraan: teori & praktis*. Hlm 477 – 495. Bangi: Institut Alam & Tamadun Melayu Universiti Kebangsaan Malaysia.